

## WAWANCARA



Sinar HARIAN (24/02/2022) M15 11

**Saya nak minta komen, tentang isu hubungan kaum hari ini, apakah keadaan semakin baik atau semakin buruk atau bagaimana?**

Dalam jangka pertengahan dan panjang saya rasa hubungan kaum akan menjadi semakin baik. Sebabnya ialah cabaran yang kita hadapi sama ada pandemik atau perubahan iklim atau revolusi industri 4.0, ia tidak mengira kaum atau agama. Kita bagaikan 'aur dengan tebing', dalam kapal yang sama, sama ada kita berlayar di kapal yang sama atau tenggelam bersama. Jadi itu daripada jangka panjang ia akan mengurangkan signifikan isu kaum dan terutamanya pengundi muda yang lebih tertumpu di bandar dan juga lebih tinggi pendidikannya, jadi mereka akan menekankan isu kualiti hidup.

Bahagian kedua sebenarnya berkaitan dengan pergolakan dan kemelut politik yang kita hadapi kerana selepas 2018, orang Melayu takut bahawa dengan jatuhnya UMNO, maka orang Melayu akan ditenggelamkan. Jadi apabila tiga parti Melayu, UMNO, Bersatu dan Pas mendominasi dua kerajaan yang seterusnya kita tidak nampak perpaduan Melayu. Mereka bagaikan tiga adik-beradik yang mengejar gadis yang sama.

Apabila elit Melayu merebut kuasa, orang kebanyakan termasuk orang Melayu mendapati kebajikan mereka diabaikan.

**Jadi itu bukan jaminan walaupun ada perpaduan antara parti-parti Melayu**

Ya, tetapi saya nak juga sebut bahawa kita sebenarnya ada satu *trend* yang mengalir ke arah yang lain, kita sebenarnya melihat lebih banyak melihat integrasi di sekolah Cina. Sekarang satu dari lima orang anak murid di sekolah Cina bukan keturunan Cina dan ia semakin meningkat.

**Kenapa hal ini berlaku Profesor?**

Itu berkaitan dengan ada yang berkata nilai bahasa Cina, tetapi saya rasa yang lebih penting adalah suasana belajar di sekolah Cina, dan kalau kita ingin memupuk integrasi di peringkat sekolah apa yang kita perlu buat adalah memberi insentif kepada sekolah yang mencapai integrasi yang lebih tinggi kerana ada sekolah kebanjiran yang boleh mencapai juga. Tetapi kita juga tahu sekali pun di Sabah Sarawak ada ibu bapa Bumiputera yang Muslim yang tak nak hantar anak mereka ke sekolah kebangsaan kerana takut dimuslimkan.

**Kalau kita perhatikan dalam konteks hubungan kaum ini, kerajaan di bawah Datuk Sri Najib Razak sebelum ini pernah mewujudkan satu Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (NUCC). Mereka elah berbincang selama hampir lebih dua tahun dan dapatan itu telah dikemukakan tetapi baik kerajaan BN ketika itu, PH selepas itu atau kerajaan selanjutnya, tidak pernah peduli apa yang direkomendasikan atau dicadangkan, kenapa?**

**Tetapi nampaknya Profesor banyak beri perhatian kepada MoU ini. Apakah keresahan, ketidakpuasan hati, kekecewaan masyarakat Cina hari ini. Apa yang orang Cina mahu?**

Saya tidak dapat mewakili orang Cina tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia saya boleh kata, bak kata pepatah Melayu, 'Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung', dan tanah air ini satu-satunya bumi yang saya junjung langitnya tetapi tetap ada orang yang kata saya orang luar.

Jadi saya rasa ini adalah satu kekecewaan yang dikongsi bukan sahaja orang Cina tetapi juga orang India, malah Dayak, Kadazan, Dusun, Murut, orang asli dan sebagainya. Jadi kembali kepada bagaimana kita boleh melihat satu sama lain sebagai saudara dalam satu keluarga dan bukan mempertikaikan bila datuk, nenek moyang sudah datang sini, atau Tuhan mana yang lebih handal dan sebagainya.

**Apa harapan Profesor kepada generasi muda?**

Saya harap kepada generasi muda kita akan mengambil sikap yang lebih rasional, berani untuk membincangkan isu mencari cara penyelesaian daripada melaporkan tenaga dan emosi dalam kemarahan. Kerana sangat senang hari ini kita dapat pelbagai masalah untuk menuding jari kepada mana-mana pihak itu yang mana jahat yang membawa kepada

Kalau PRU15 berlaku pada penghujung tahun hadapan kita mungkin akan ada 8 juta dan daripada itu 20 peratus yang berumur 18 sampai 20, yang selebihnya mungkin 21 sampai 100 tahun. Perbezaan kedua kumpulan ini, pengundi muda mungkin mereka akan lebih bertanyakan apa yang mereka dapat kerana sekarang sebagai contoh harga rumah semakin mahal tetapi gaji tidak meningkat dengan kadar yang sama. Jadi itu isu 'bread and butter' dan ramai orang muda rasa tertekan. Mereka juga lebih peka kepada alam sekitar dan sebagainya. Itu satu perubahan.

Apa yang lebih menarik adalah pengundi yang selebihnya masuk ke dalam senarai pengundi kerana pendaftaran pengundi automatik, kumpulan ini adalah mereka yang tidak kisah akan politik. Jadi kalau dulu kalau dia rasa nak mengundi, dia kena mendaftarkan diri tiga bulan lebih awal atau lebih kalau tidak terlewat, sekarang tidak lagi, minit-minit terakhir dia rasa marah dia pergi mengundi jadi saya rasa kumpulan ini akan jadi penentu masa depan.

Kita andaikan banyak orang akan buat unjuran bahawa kebanyakan orang tidak akan turun mengundi, kalau mereka keluar mengundi dan kebarangkaliannya kerana mereka marah daripada gembira ini menjadi satu kuasa pencegah atau amaran yang besar kepada ahli dan parti politik untuk bekerja keras untuk tidak mengundang kemarahan rakyat.

**pun tidak menjamin kesejahteraan dan kejayaan di kalangan orang Melayu?**

Saya rasa perpaduan Melayu itu tidak mungkin seperti perpaduan Cina, India, Kadazan Dusun dan Dayak semua tidak mungkin kerana kita ada kebebasan.

**Apakah itu antara lain yang membabitkan isu hubungan kaum kerana parti politik kita bertolak daripada ras atau kaum, maka sampai bila pun kita akan berhadapan dengan isu ini, masing-masing nak menjuarai isu dan kepentingan kaum. Apa komen Profesor?**

Kita kena lihat bahawa demokrasi itu berasaskan kepada perpecahan. Kerana dengan perpecahan kita ada persaingan. Jadi soalan yang kita nak tanya, bagaimana parti itu berpecah, menonjolkan perbezaan produknya. Jadi kalau bukan kaum ia mesti ada sesuatu yang lain, ia mesti berasaskan ideologi ataupun polisi yang lain dan kalau kita dapat ketepi perbezaan yang bukan berasaskan kaum maka kita boleh melepaskannya dan jadi dalam kata lain kita tidak boleh menjauhi diri daripada politik kaum dengan mengejar perpaduan kerana tak mungkin jadi kecuali bila kita menjadi Korea Utara.

**Kita selalu menekankan diversiti dan kelainan adalah kekuatan kita, tetapi ada satu hal yang banyak kita bangkitkan bahawa akibat anak-anak kita tidak pergi ke sekolah yang sama daripada peringkat yang lebih awal, maka itu mungkin kita cuba mencapai integrasi atau mungkin asimilasi, tetapi adakah dalam konteks ini ia begitu baik atau kita harus mengekalkan konsep diversiti itu disebut oleh perpaduan?**

Saya rasa ancaman paling besar kepada hubungan kaum kita seperti yang difahami oleh ramai rakyat Malaysia adalah persaingan politik yang tidak kena, tidak produktif dan membinasakan. Dan daripada itu untuk membaiki keadaan kita sebenarnya perlu memancarkan kuasa dan mengurangkan penumpuan kuasa, menggalakkan persaingan tidak berasaskan kaum dan agama. Kita perlukan perubahan dalam sistem pilihan raya, desentralisasi perubahan Parlimen, sungguhpun kerajaan Ismail Sabri belum lakukan yang lebih banyak tetapi MoU itu, kebanyakan berasaskan reformasi Parlimen. Jadi saya rasa itu satu langkah yang sangat baik.

pelbagai masalah sama ada kapitalis, orang politik dan sebagainya tetapi dunia ini jauh lebih rumit. Jadi apa yang kita perlukan sekarang adalah hati yang terbuka dan keberanian pada masa yang sama untuk mengupas masalah dan mencari penyelesaian.

**Apa pandangan Profesor tentang implikasi daripada sejumlah kira-kira 7 atau 8 juta pengundi yang berusia 18 tahun yang mengundi? Itu tidak termasuk mereka yang kali pertama mengundi, kita ambil kepada Undi 18 dan implikasi kepada senario politik akan datang.**

FOTO ROSLI TALIB



Chin Huat ketika ditemubual oleh Johan baru-baru ini.

**Kita dapat rasakan bahang kemarahan di luar sana atas banyak faktor. Kita dapat rasakan semacam rasa kebencian atau ketidakpercayaan kepada pimpinan politik dan sebagainya. Apakah itu impaknya nanti kepada pilihan raya dan siapa akan untung?**

Ada, sekali pun kadang-kadang kita lihat bahawa bahang ini ia melenyap bagaikan hangat-hangat tahi ayam, tetapi api itu masih membara di bawah. Jadi pilihan raya masanya akan muncul tetapi apa yang menjadi persoalannya, dapatkah rakyat melihat alternatif. Kalau mereka sekadar menuding jari, ramai yang rasa tidak ada bezanya. Jadi kalau ada parti yang dapat menawarkan soalan, dalam kata lain persaingan ideologi, identiti tetapi penyelesaian masalah. Siapa yang dapat menawarkan solusi.

**Kalau Profesor saya berikan kesempatan untuk menyampaikan satu nasihat kepada Perdana Menteri, apakah nasihat itu?**

Saya akan menasihatkan Perdana Menteri untuk melanjutkan MoU sampai penghujung penggal Parlimen ini dengan memasukkan item baharu, reformasi yang kita perlu terutamanya pengasingan jabatan pendakwa raya daripada Jabatan Peguam Negara (JPN) supaya kita dapat menghapuskan pendakwaan terpilih.

Juga boleh dimasukkan termasuk desentralisasi bukan sahaja untuk Sabah dan Sarawak tetapi negeri-negeri semenanjung dan juga Akta Pendanaan Politik yang memberikan dana kepada parti politik supaya mereka tidak perlu mencuri dana awam.